

Nama : Liu Yuet Yin

Matrik No : WQT98015

Tajuk Thesis: Sistem Pengurusan Kewangan Keluarga

Supervisor : Pn Sri Devi

Moderator : En. Woo Chaw Seng

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Abstrak	i
Penghargaan	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv

## **Bab 1: Pengenalan**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	1
1.3	Objektif	2
1.4	Skop	2
1.5	Jadual Projek Pembangunan Sistem	3
1.6	Ringkasan Setiap Bab	4

## **Bab 2: Kajian Literasi**

2.1	Penemuan Rujukan	8
2.2	Analisis Individual yang Menyimpan Maklumat Pendapatan/ Perbelanjaan.	8
2.3	Analisis Dimana Perbelanjaan Individu Melebihi Pendapatan	11
2.4	Cara-cara Menyimpan Maklumat-maklumat Pendapatan/Perbelanjaan	12
2.5	Analisis Proses Manual yang digunakan	14
2.6	Analisis daripada Web yang sedia ada	15



2.7	Kajian Alat Pembangunan dan Teknologi	21
2.7.1	Unix	21
2.7.2	Window 98	22
2.7.3	Visual Basic 6.0	23
2.7.4	Java	24
2.7.5	Microsoft Access	25
2.7.6	Microsoft SQL Serve 7.0	26
<b>Bab 3:</b>	<b>Metodologi</b>	
3.1	Pendahuluan	27
3.2	Model Air Terjun	27
3.3	Model Prototaip	29
3.4	Pembangunan Evolusi	29
3.4.1	Exploratoty Programming	29
3.4.2	Throw-away prototyping	30
3.5	Spiral Model	30
3.6	Model Transformasi	32
<b>Bab 4:</b>	<b>Sistem Analisis</b>	
4.1	Kaedah Pembangunan Sistem	33
4.2	Spesifikasi Keperluan Sistem	33
4.2.1	Spesifikasi Fungsian	34
4.2.2	Spesifikasi Bukan Fungsian	35

4.3	Fasa Sistem Analisis	36
4.4	Fasa Rekabentuk Sistem	36
4.5	Pelaksanaan Sistem	37
4.5.1	Pengaturcaraan	37
4.5.2	Pengujian	37
4.5.3	Penerimaan Sistem	37
4.5.4	Pelaksanaan dan Operasi	37
4.6	Latihan dan Penyelenggaraan Sistem	38
4.7	Cadangan Perkakasan dan Perisian	38
4.7.1	Spesifikasi Perkakasan	38
4.7.2	Spesifikasi Perisian	39
4.8	Pemilihan Perkakasan dan Perisian	40
4.8.1	Untuk Perkakasan	40
4.8.2	Untuk Platform	40
4.8.3	Microsoft Access	41
4.8.4	Microsoft Visual Basic 6.0	41

## **Bab 5: Rekabentuk Sistem**

5.1	Pendahuluan	42
5.2	Gambarajah Aliran Data	42
5.3	Hubungan Entiti	43
5.4	Rekebentuk Pangkalan Data	45
5.5	Rekabentuk Antaramuka Pengguna	48
5.5.1	Rekabentuk Screen	48

5.5.2	Rekabentuk Output	50
-------	-------------------	----

## **Bab 6: Pembangunan Sistem**

6.1	Penyediaan Platform	51
6.2	Pengaturcara	51
6.2.1	Bahasa Pengaturcara	51
6.2.2	Capaian Pangkalan Data	54
6.3	Pengkodan Modul	57

## **Bab 7: Pengujian Sistem**

7.1	Pengenalan	58
7.2	Pengujian Unit	58
7.3	Pengujian Modul	59
7.4	Pengujian Integrasi	59
7.5	Pengujian Sistem	59

## **Bab 8: Perbincangan**

8.1	Masalah-Masalah yang Dihadapi dan Penyelesaian	60
8.2	Kebaikan Sistem	61
8.3	Kelemahan Sistem	62
8.4	Cadangan	63
8.5	Kesimpulan	64

## **Rujukan**

Lampiran A	Soal Selidik
Lampiran B	Contoh Pengaturcaraan
Lampiran C	Manual Pengguna



## Abstrak

Latihan ilmiah ini dalah berkenaan dengan pembangunan satu sistem untuk membantu ahli-ahli keluarga untuk menyimpan pendapatan dan perbelanjaan. sistem ini dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kewangan Keluarga dan berupaya untuk menyimpan pendapatan dan perbelanjaan keluarga serta boleh memaparkan atau mencetak laporan yang diperlukan oleh pengguna.

Pada asasnya sistem ini adalah merupakan applikasi dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcara Visual Basic 6.0. Pangkalan data yang digunakan pula ialah Microsoft Access.

Adalah diharapkan applikasi ini nanti akan dapat membantu ahli-ahli keluarga untuk menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan dan membantu mengawalkan perbelanjaan sebulan.



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya ingin merakamkan dengan ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Pn. Sri Devi, selaku penyelia projek ini di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikannya dalam menjayakan projek ini.

Di samping itu tidak lupa juga saya tujukan ucapan ini kepada rakan-rakan sependidikan saya iaitu Mr.Lee Yeow Kuen, Mr.Ong Min Tat, En. Jaffar Jotiu, Ms. Puven dan rakan-rakan sekerja saya yang telah bekerjasama dan banyak menyalurkan pengetahuan,komen dan idea-idea mereka kepada projek yang saya jalankan ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ini kepada En. Woo Chaw Seng yang telah sudi menjadi Moderator dalam projek Ilmiah ini, dengan soalan dan pandangan yang telah diberikan telah melengkapkan lagi penyampaian kertas Ilmiah ini. Rasa balas budi juga diberikan kepada para tenaga pengajar dan kakitangan di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya diatas kebaikan dan kerjasama yang telah diberikan di sepanjang pengajian saya di sini.

Akhir sekali buat keluarga saya yang tercinta terutamanya ibubapa dan abang saya kerana telah memberikan semangat dan inspirasi kepada saya untuk terus berusaha mencapai cita-cita dan melengkapkan pengajian saya di menara gading. Budi dan jasa mereka tidak akan sekali-kali luput dari ingatan dan semoga pada masa hadapan segala jasa mereka ini akan terbalas nanti.

<b>Senarai Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 1.5 : Aktiviti Projek	4
Jadual 2.2(a): Individu yang tidak menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan	9
Jadual 2.2(b): Individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan	9
Jadual 2.2(c): Kekurangan penyimpanan maklumat Pendapatan/Perbelanjaan mengikut Pekerjaan	10
Jadual 2.3(a): Perbelanjaan individu melebihi pendapatan dalam sebulan	12
Jadual 2.3(b): Perbelanjaan individu tidak melebihi pendapatan dalam sebulan	12
Jadual 2.4(a): Individu yang menyimpan maklumat pendapatan/Perbelanjaan melalui buku mengikut pekerjaan	13
Jadual 2.4(b): Individu yang menyimpan maklumat pendapatan/Perbelanjaan melalui komputer mengikut pekerjaan	13
Jadual 2.4 (c) : Individu menggunakan perisian untuk menyimpan Pendapatan/perbelanjaan mengikut pekerjaan	14
Jadual 5.4(a) : Akaun Bank	45
Jadual 5.4(b) : Nama Bank	45
Jadual 5.4(c): Pendapatan	46
Jadual 5.4(d): Pendapatan_Perbelanjaan_Kategori	46
Jadual 5.4(e): Personal Maklumat	46
Jadual 5.4(f) : Kredit Kad	47
Jadual 5.4(g) : User Login	47
Jadual 5.4(h) : Perbelanjaan	48

**Senarai Rajah****Halaman**

Rajah 1.5 : Perancangan Pembangunan Sistem	7
Rajah 2.6(a) :Sistem Family Budget Calculator	16
Rajah 2.6(b) : Sistem Family Budget Calculator	17
Rajah 2.6(c): Microsoft Money	19
Rajah 2.6(d) : Microsoft Money	20
Rajah 3.2 : Pendekatan Air Terjun	28
Rajah 5.2: Gambarajah Aliran Data	43
Rajah 5.3: Hubungan Entiti	44
Rajah 5.5: Menu Utama Sistem	49



# **BAB 1 : PENGENALAN**

## **1.1 Pendahuluan**

Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat telah menghasilkan pelbagai sistem aplikasi yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pengguna dengan memudahkan kerja dan menjimatkan masa kerja pengguna.

Kerajaan kita telah menggalakkan penduduk untuk miliki sekurang-kurangnya sebuah komputer bagi setiap keluarga. Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan kita telah membenarkan pekerja-pekerja mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan pekerja untuk membeli komputer. Dengan adanya komputer dalam setiap keluarga, komputer akan digunakan dalam kehidupan harian mereka.

Keluarga – keluarga ini boleh menggunakan komputer untuk meringan kerja mereka mereka seperti merekod perbelanjaan dan pendapatan, menyimpan rekod akaun simpanan dan kerja-kerja kiraan lain. Komputer juga boleh digunakan untuk keseronokan seperti melayai Internet dan bermain permainan komputer.

## **1.2 Peryataan Masalah**

Pengurusan Kewangan harian Keluarga akan melibatkan proses berikut:-

- 1 pengumpulan resit-resit seperti bil telefon, resit petrol, bil elektrik dan lain-lain.
- 2 Penyediaan senarai perbelanjaan harian mingguan dan bulanan.
- 3 Penyimpanan rekod-rekod kewangan seperti baki akaun simpanan biasa simpanan semasa dan simpanan tetap.



- 4 Penyimpanan senarai aset dan liabiliti keluarga tersebut.
- 5 Penyimpanan rekod pelaburan dalam saham, bon dan lain-lain.
- 6 Mengambil masa yang panjang untuk menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan secara manual atau separa manual di dalam buku atau komputer.

### 1.3 Objektif

Enam objektif yang perlu dicapai adalah seperti berikut:-

1. Meminima penggunaan kertas ("paperless").
2. Menjimatkan masa membuat pengiraan jumlah perbelanjaan harian.
3. Mengurangkan melakukan kesilapan atau kesalahan dalam pengiraan.
4. Memudahkan penyemakan semula rekod perbelanjaan and pendapatan.
5. Memudahkan menyimpan seluruh buku akaun.
6. Menghasilkan laporan tentang perbelanjaan bagi setiap harian, bulanan atau tahunan.

### 1.4 Skop

Sistem yang dibangunkan adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan untuk membantu dan meringankan menguruskan kewangan kewangan keluarga. Skop pembngunan projek ini dibahagikan kepada perkara-perkara berikut:-

- 1) Sasaran pengguna

Sistem Pengurusan Kewangan Keluarga (SPKK) dibangunkan untuk keperluan ahli keluarga yang menguruskan kewangan keluarga dengan menyimpan dan merekodkan jenis perbelanjaan harian dan pendapatan seisi keluarga.

## 2) Ciri-ciri sistem

- i) Membolehkan penyimpanan maklumat pendapatan jenis perbelanjaan dan penyimpanan.
- ii) Menyimpan maklumat kad kredit dan akaun simpanan.
- iii) Berupaya untuk mengirakan jumlah pendapatan dan perbelanjaan harian.
- iv) Membolehkan pengguna untuk menyemakan jenis perbelanjaan meyemak akaun semasa, akaun tetap dan kunci kira-kira.
- v) Membolehkan maklumat dikemaskini seperti penambahan, perubahan, penghapusi oleh pengguna yang mempunyai kebenaran.
- vi) Percetakkan laporan yang diperlukan oleh pengguna.
- vii) Sistem ini menggunakan Bahasa Melayu untuk memudahkan rakyat Malaysia.

### ***1.5 Skedul Projek Pembangunan Sistem***

Untuk memastikan kejayaan projek ini, perancangan setiap aktiviti yang terlibat dalam pembangunan hendak dilakukan dengan berhati-hati supaya dapat mencapai objektif sistem dan dapat dilaksanakan dengan teratur. Jadual 1.5 merupakan jadual aktiviti yang terlibat dalam pembangunan sistem dan juga jumlah masa yang telah digunakan untuk melakukan setiap aktiviti.

**Jadual 1.5 : Aktiviti Projek**

Fasa	Aktiviti	Tempoh
Kajian Awal dan Analisis	<ul style="list-style-type: none"><li>Definisi Masalah</li><li>Menentukan Objektif dan skop sistem</li><li>Spesifikasi Sistem</li></ul>	60 hari
Rekabentuk Sistem	<ul style="list-style-type: none"><li>Memilih metodologi sistem</li><li>Rekabentuk antara muka</li><li>Format Laporan</li><li>Rekabentuk Pangkala Data</li></ul>	45 hari
Implementasi Sistem	<ul style="list-style-type: none"><li>Pengkodan</li><li>Pengujian dan debugging</li><li>Dokumentasi Program</li><li>Manual Pengguna</li><li>Penilaian</li></ul>	97 hari
Penyelenggaraan Sistem	<ul style="list-style-type: none"><li>Memperbaiki Kesilapan</li><li>Pengubahsuaian Perubahan Sistem</li></ul>	10 hari

### 1.6 Ringkasan Setiap Bab

Laporan ini dibahagikan kepada 4 bab yang penting. Ringkasan untuk setiap bab-bab adalah seperti berikut:-



## ***Bab 1: Pengenalan***

Bab ini akan memberi penerangan tentang pengenalan untuk keluruhan laporan yang hendak sedia ada. Laporan ini meliputi pengenalan projek, objektif, skop dan perancangan pembangunan sistem.

## ***Bab 2 : Kajian Literasi***

Bab ini menerangkan mengenai penyelidikan terhadap sistem yang akan dibangunkan, menganalisis data yang diperolehi dan seterusnya melahirkan satu sintesis yang akan menjadi asas kepada pembangunan sistem.

## ***Bab 3 : Metodologi Sistem***

Bab ini akan menerangkan tentang keperluan sistem dan rekabentuk sistem yang akan dibangunkan. contoh-contoh seperti rekebentuk pangkalan data and antaramuka pengguna.

## ***Bab 4 : Sistem Analisis***

Bab ini menerangkan mengenai analisa sistem berdasarkan kaji selidik dan seterusnya pangkalan data dan antaramuka pengguna. Hubungan antara entity dan juga output yang dikemukakan.

## ***Bab5: Rekabentuk Sistem***

Bab ini menerangkan Pelaksanaan sistem . Ini adalah bagi memastikan sistem dibangunkan mengikut apa yang telah digariskan dalam rekabentuk sistem .



## ***Bab 6 : Perlaksanaan Sistem***

Bab ini menerangkan usaha - usaha pengaturcaraan atau pengkodan dilaksanakan. Ini merupakan suatu proses penterjemahan logic -logic setiap spesifikasi aturcara yang telah disediakan semasa fasa rekabentuk ssitem ke bentuk kod -kod arhan dalam bahasa pengaturcaraan .


## ***Bab 7 :Pengujian Sistem***

Bab ini menerangkan pengujian sistem . Sistem pengujian dilakukan sepanjang kitaran pembangunan ssitem. Ini dilakukan supaya segala kesilapan dapat dikenalpasti di peringkat awal dan diperbaiki pada kadar minimal .

## ***Bab 8 : Perbincangan***

Bab ini menerangkan tentang penilain dan kekangan sistem. Sistem dinilai berdasarkan spesifikasi tertentu . Masalah - masalah yang wujud dalam membangunkan sistem dibincangkan dan diberi cadangan penyelesaian supaya ianya dapat diatasi pada masa akan datang . Dalam penilaian juga dinyatakan segala kelemahan dan kekuatan yang ada pada sistem ini.

Carta Gant



Rajah 1.5 : Perancangan Pembangunan Sistem

## **BAB 2 : KAJIAN LITERASI**

### **2.1 Penemuan Rujukan**

Sebagai persediaan pembangunan Sistem Pengurusan Kewangan Keluarga ini, maklumat-maklumat yang berkaitan telah dikumpulkan bagi membolehkan pemahaman sistem ini secara menyeluruh. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah melalui sumber-sumber berikut : -

- 1.) Buku Rujukan
- 2.) Melalui laman web dalam internet
- 3.) Mengadakan soal selidik
- 4.) Pemerhatian

Kajian literasi telah dijalankan secara soal selidik. Soal selidik telah dijalankan dengan mengedarkannya kepada individu yang berkeluarga. Rujukan dalam Appendix A menunjukkan jenis soalan yang telah dikemukakan dalam kertas soal selidik ini. Keputusan soal selidik dan analisisnya adalah dipaparkan seperti berikut:

### **2.2 Analisis Individu yang Menyimpan Maklumat Pendapatan/perbelanjaan.**

Soal selidik telah dijalankan terhadap 75 orang individu yang bekerja sebagai profesional, semi-profesional, peniaga dan lain-lain. Daripada analisis soal selidik tersebut, didapati bahawa 54.6% daripada orang yang diselidik tidak menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan dan hanya 45.4% daripada bakinya yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan. Daripada 45.4% sampel yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan, didapati bahawa ia terdiri daripada



13 orang professional, 15 orang semi professional, 3 orang peniaga dan 3 orang yang bekerja lain-lain pekerjaan. Manakala, 55% sampel lagi yang tidak menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan terdiri daripada 11 orang professional, 15 orang semi professional, 19 orang peniaga dan 9 orang yang bekerja lain-lain pekerjaan. Jadual 2.2(a) menunjukkan individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan mengikut pekerjaan dan Jadual 2.2(b) menunjukkan individu yang tidak menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan mengikut pekerjaan.

**Jadual 2.2(a) : Individu yang Menyimpan Maklumat Pendapatan/Perbelanjaan Mengikut Pekerjaan**

Pekerjaan	Bil	%
Profesional	13	17.4
Semi-profesional	15	20
Perniaga	3	4
Lain-lain	3	4
Jumlah	34	45.4

*Peratusan (%) adalah dikira berdasarkan bilangan sample sebanyak 75 orang*

**Jadual 2.2(b) : Individu yang tidak Menyimpan Maklumat Pendapatan/Perbelanjaan Mengikut Pekerjaan**

Pekerjaan	Bil	%
Profesional	11	14.7
Semi-profesional	19	25.2
Perniaga	2	2.7
Lain-lain	9	12
Jumlah	41	54.6

*Peratusan (%) adalah dikira berdasarkan bilangan sample sebanyak 75 orang*

Kekerapan tempoh masa individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan boleh dibahagi kepada sehari, sebulan dan setahun.



Berdasarkan analisis terhadap 34 orang yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan, didapati bahawa 3 orang menyimpan maklumat tersebut setiap hari dan seorang sahaja yang menyimpan maklumat tersebut untuk setahun. Kebanyakan daripada mereka menyimpan maklumat tersebut untuk sebulan iaitu 26 orang. Jadual 2.2(c) menunjukkan Kekerapan Penyimpanan maklumat Pendapatan/Perbelanjaan.

**Jadual 2.2 (c) : Kekerapan penyimpanan maklumat Pendapatan/Perbelanjaan Mengikut Pekerjaan**

Pekerjaan	Setiap hari	Sebulan	Setahun
Profesional	2	11	0
Semi-profesional	2	12	1
Perniaga	1	2	0
Lain-lain	2	1	0
Jumlah	7	26	1

Daripada analisis tersebut, didapati bahawa 33% orang tidak menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan kerana mereka mendapati tidak perlu, 27 % orang mendapati mereka terlalu sibuk dan tidak ada masa lapang untuk menyimpan maklumat tersebut dan 20% orang berasa malas untuk menyimpan maklumat tersebut. Selain itu, 13% orang tidak mengetahui cara-cara untuk menyimpan maklumat tersebut. Manakala, 34 orang individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan adalah untuk membuat perancangan keluarga, untuk mengawal perbelanjaan dan untuk memudahkan penyemakan pendapatan/perbelanjaan supaya tidak melebihi yang dirancang serta untuk penjimatan wang.

### **2.3 Analisis Di Mana Perbelanjaan Individu Melebihi Pendapatan**

Daripada analisis soal selidik tersebut, didapati bahawa 66.66% daripada orang yang diselidik tidak menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan dan hanya 33.34% daripada bakinya yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan. Daripada 66.66% sampel yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan, didapati bahawa ia terdiri daripada 13 orang professional, 25 orang semi professional, 2 orang peniaga dan 10 orang yang bekerja lain-lain pekerjaan. Melalui analisis ini, didapati bahawa walaupun terdapat individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan dalam sehari tetapi di antara kalangan mereka masih membelanja melebihi pendapatan mereka. Kegagalan mereka untuk mengawal perbelanjaan adalah kerana individu hanya menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan setiap hari dan menjumlahkan untuk sebulan. Mereka tidak menyedari bahawa mereka telah membelanja melebihi belanjawan (budget) yang ditetapkan dan tidak ada satu alat yang dapat memberitahu atau mengingatkan mereka bahawa mereka telah membelanja berlebihan. Jadual 2.3(a) menunjukkan di mana perbelanjaan individu melebihi pendapatan dalam sebulan mengikut pekerjaan dan Jadual 2.3(b) menunjukkan perbelanjaan individu tidak melebihi pendapatan dalam sebulan mengikut pekerjaan.



**Jadual 2.3(a) : Perbelanjaan individu melebihi penguapatan uatam sebagian mengikut kerja**

Pekerjaan	Bil	%
Profesional	13	17.33
Semi-profesional	25	33.33
Perniaga	2	2.67
Lain-lain	10	13.33
Jumlah	50	66.66

*Peratusan (%) adalah dikira berdasarkan bilangan sample sebanyak 75*

**Jadual 2.3(b) : Perbelanjaan individu tidak melebihi penguapatan uatam sebagian**

Pekerjaan	Bil	%
Profesional	11	14.67
Semi-profesional	9	12
Perniaga	3	4
Lain-lain	2	2.67
Jumlah	25	33.34

*Peratusan (%) adalah dikira berdasarkan bilangan sample sebanyak 75 orang*

## 2.4 Cara-Cara Menyimpan Maklumat-Maklumat Pendapatan/Perbelanjaan

Daripada analisis tersebut, didapati 79.39% individu menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui manual/buku dan 20.61% individu menyimpan maklumat tersebut melalui komputer. Terdapat 62 % orang yang memilih kaedah menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui buku kerana mereka boleh menyemak maklumat-maklumat tersebut dengan mudah dan pada bila-bila masa dan 30% individu merasakan kaedah ini memudahkan mereka membawa maklumat tersebut ke mana-mana. Manakala, hanya 8% individu menggunakan kaedah ini kerana mereka tidak tahu menggunakan komputer. Selain itu, 24% individu yang



memilih komputer sebagai kaedah untuk menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan mengatakan bahawa kaedah ini membantu mereka menjimatkan masa manakala 66% individu mendapati bahawa penggunaan komputer membolehkan pengiraan yang cepat dan tepat untuk mendapat jawapan, menjimatkan ruang penyimpanan dokumen serta ia mudah untuk dipelajari. Jadual 2.4(a) menunjukkan individu yang menyimpan pendapatan/perbelanjaan melalui buku mengikut pekerjaan dan 2.4 (b) menunjukkan individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui komputer mengikut pekerjaan

**Jadual 2.4 (a): Individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui buku mengikut pekerjaan**

Pekerjaan	Bil	%
Profesional	10	29.4
Semi-profesional	12	35.29
Peniaga	2	5.88
Lain-lain	3	8.82
Jumlah	27	79.39

*Peratusan (%) adalah dikira berdasarkan bilangan sample sebanyak 34 orang*

**Jadual 2.4 (b): Individu yang menyimpan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui komputer mengikut pekerjaan.**

Pekerjaan	Bil	%
Profesional	3	8.82
Semi-profesional	3	8.82
Peniaga	1	2.97
Lain-lain	0	0
Jumlah	7	20.61

*Peratusan (%) adalah dikira berdasarkan bilangan sample sebanyak 34 orang*

Terdapat pelbagai perisian (software) yang ditawarkan dalam pasaran untuk merancang kewangan keluarga dan individu iaitu seperti Microsoft Word, Microsoft

Excel, Microsoft Money, Quicken dan lain-lain perisian. Daripada analisis tersebut, didapati bahawa hanya 5 orang individu sahaja yang menggunakan Microsoft Excel dan 2 orang yang menggunakan Microsoft Money.

Jadual 2.4(c) menunjukkan Individu yang menggunakan perisian untuk menyimpan pebelanjaan/pendapatan. Terdapat beberapa sebab yang diberikan oleh mereka yang menggunakan perisian untuk merancang kewangan keluarga. Di antaranya adalah kerana perisian ini mudah untuk digunakan dan mudah untuk dipelajari. Di samping itu, perisian ini mempunyai format yang telah ditetapkan dan mereka hanya perlu memasukkan nilai-nilainya di mana perisian tersebut akan membuat pengiraan secara automatik dan juga ia jarang membuat kesilapan.

**Jadual 2.4(c): Individu menggunakan perisian untuk menyimpan perbelanjaan/pendapatan mengikut pekerjaan.**

Pekerjaan	Excel	Microsoft Money
Profesional	2	1
Semi-profesional	3	0
Peniaga	0	1
Lain-lain	0	0
Jumlah	5	2

## 2.5 Analisis proses manual yang digunakan ( current system )

Pemerhatian telah dijalankan terhadap mak cik saya yang menyimpan maklumat pendapatan dan perbelanjaan seharian melalui buku. Mak cik saya akan mengumpulkan maklumat perbelanjaan seharian dan merekod maklumat tersebut serta membuat pengiraan. Pada penghujung bulan, dia akan menolakkan jumlah perbelanjaan daripada jumlah pendapatan untuk mendapat jumlah baki yang tinggal.



Antara ciri-ciri menarik sistem simpanan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui buku adalah seperti berikut :-

- 1) Mudah untuk digunakan
- 2) Tidak mempunyai format tetap dan boleh diubah mengikut kehendak sendiri.

Walaupun bagaimanapun, sistem simpanan maklumat pendapatan/perbelanjaan melalui buku juga mempunyai ciri-ciri kelemahan seperti berikut:-

- 1) Mengambil masa yang lama untuk membuat pengiraan.
- 2) Mudah berlaku kesilapan dalam pengiraan.
- 3) Lebih tertumpu kepada aspek-aspek perbelanjaan sahaja daripada aspek-aspek lain seperti penyimpanan, kad kredit, pelaburan dan lain-lain.

## 2.6 Analisis daripada laman web yang sedia ada ( existing system )

Hasil daripada pencarian maklumat daripada laman web menunjukkan bahawa terdapat sistem aplikasi web yang mempunyai objektif yang hampir sama dengan sistem pengurusan kewangan keluarga yang dibangunkan ini untuk membantu individu menguruskan kewangan. Sistem aplikasi web ini adalah seperti berikut:

- i) Sistem Family Budget Calculation
- ii) Microsoft Money
- iii) Quicken.

Antara ciri-ciri menarik sistem Family Budget Calculation yang menggunakan Microsoft Excel adalah seperti berikut:-



- 1) Pengguna hanya memasukkan nilai-nilai ke dalam kotak-kotak yang tersedia ada.
- 2) Sistem ini membantu pengguna membuat pengiraan secara automatik.
- 3) Sistem ini membahagikan perbelanjaan kepada pelbagai jenis untuk memudahkan kita untuk memeriksa jenis-jenis perbelanjaan yang telah dibelanjakan.
- 4) Sistem ini juga menunjukkan nisbah dan peratus belanja yang digunakan melalui bentuk Carta Pai.

Gambarajah 2.6(a) dan 2.6 (b) memberi gambaran sistem Family Budget Calculator

FIXED MONTHLY EXPENSES		VARIABLE MONTHLY EXPENSES	
Alimony	\$0.00	Bathroom / Kitchen / Misc. Household Supplies	
Cable TV	\$35.00	Books / Magazines / Other Subscriptions	
Cell Phones / Pagers	\$100.00	Children #1's Expenses / Allowances	
Child Support	\$0.00	Children #2's Expenses / Allowances	
Disability Insurance	\$75.00	Children #3's Expenses / Allowances	
Electricity / Gas	\$175.00	Church / Cash Charitable Donations	
Health / Dental / Vision Insurance	\$325.00	Clothes / Laundry / Dry Cleaning / Repairs	
Home Phone	\$100.00	Doctors / Medical / Hospital / Drugs / Glasses	
Homeowner's / Renters Insurance	\$0.00	Entertainment / Vacation / Dining / Travel / Leisure	

Rajah 2.6 (a) : Sistem Family Budget Calculator



NET & GROSS (PRE-TAX) BUDGET WITH ALL DEBT		BUDGET WITHOUT NON-MORT	
Hourly Totals (net average based on 40 hour work week)	\$45.68	Hourly Totals (net average based on 40 hour work week)	\$45.68
Daily Budget Totals (net average daily income needed)	\$262.74	Daily Budget Totals (net average daily income needed)	\$262.74
Weekly Budget Totals (net weekly cash needed)	\$1,827	Weekly Budget Totals (net weekly cash needed)	\$1,827
Monthly Budget Totals (net monthly cash needed)	\$7,948	Monthly Budget Totals (net monthly cash needed)	\$7,948
Annual Budget Totals (net annual cash income needed)	\$95,375	Annual Budget Totals (net annual cash income needed)	\$95,375
Hourly Totals (gross average based on 40 hour work week)	\$137.03	Hourly Totals (gross average based on 40 hour work week)	\$137.03
Daily Budget Totals (gross average daily income needed)	\$788.22	Daily Budget Totals (gross average daily income needed)	\$788.22
Weekly Budget Totals (gross weekly cash needed)	\$5,481	Weekly Budget Totals (gross weekly cash needed)	\$5,481
Monthly Budget Totals (gross monthly cash needed)	\$23,844	Monthly Budget Totals (gross monthly cash needed)	\$23,844
Annual Budget Totals (gross annual cash income needed)	\$286,124	Annual Budget Totals (gross annual cash income needed)	\$286,124

**Rajah 2.6 (b) : Sistem Family Budget Calculator**

Walau bagaimanapun Sistem Family Budget Calculator juga mempunyai ciri-ciri kelemahan seperti berikut:-

- 1) Sistem ini hanya untuk mengirakan perbelanjaan sahaja dan tidak ada pengiraan untuk jumlah pendapatan.
- 2) Sistem ini hanya tertumpu kepada pelbagai perbelanjaan daripada aspek-aspek lain dalam perancangan kewangan keluarga seperti pendapatan, kad kredit serta akaun simpanan.
- 3) Sistem ini tidak menyatakan sama ada perbelanjaan dibayar melalui bank atau kad kredit.
- 4) Sistem ini tidak menyatakan jenis simpanan yang disimpan oleh pengguna.

- 5) Sistem ini adalah “non user-friendly”(familybudget,2002).

Antara ciri-ciri menarik Microsoft Money adalah seperti berikut:-

- 1) Mudah digunakan oleh pengguna (“user friendly”).
- 2) Ada menyediakan kalkulator dalam sistem
- 3) Memberikan banyak petunjuk-petunjuk perancangan kewangan kepada pengguna .
- 4) Ada video/flash yang menunjukkan cara-cara menggunakan software tersebut.
- 5) Boleh digunakan semasa pelayaran dalam internet dengan menggunakan Microsoft Network(MSN).
- 6) Ada password untuk menghalang orang lain daripada membuka perisian pengguna. Ini dapat menjamin keselamatan data-data.


Walau bagaimanapun Sistem Microsoft Money juga mempunyai ciri-ciri kelemahan seperti berikut:

- 1) Bahagian percukaian mempunyai ciri-ciri yang menarik yang membantu pengguna membuat pengiraan cukai yang perlu dibayar. Akan tetapi, bahagian percukaian yang disediakan hanyalah berdasarkan kepada undang-undang percukaian Amerika Syarikat yang berlainan daripada undang-undang percukaian Malaysia.
- 2) Matawang yang digunakan adalah US dollar yang perlu ditukar kepada Ringgit Malaysia dan kadar tukaran matawang perlu ditaip ke dalam sistem.




- 3) Bahagian pelaburan juga adalah berasaskan pelaburan Amerika Syarikat seperti saham-saham Dow Jones Industrial Average dan Nasdaq.

Gambarajah 2.6(c) dan 2.6 (d) memberi gambaran sistem Microsoft Money



Rajah 2.6(c) : Microsoft Money





**Rajah 2.6(d) : Microsoft Money**

Antara ciri-ciri yang menarik dalam sistem Quicken adalah seperti berikut:-

- 1) Mudah digunakan oleh pengguna ("user friendly").
- 2) Membolehkan pengguna mengawasi pinjaman rumah, penyimpanan dan pelaburan.
- 3) Transaksi berulang seperti bayaran premium insurans bulanan boleh diautomasikan
- 4) Ada video/flash yang menunjukkan cara-cara menggunakan perisian tersebut.
- 5) Mengawasi nilai, jaminan dan tempat pembelian barang-barang pengguna
- 6) Merancang insurans rumah dan insuran "home content"

- 7) Time saver dalam Quicken membolehkan pengguna “download” maklumat akaun bank dan kad kredit dari perbankan internet
- 8) Ada password untuk menghalang orang lain daripada membuka software pengguna. Ini dapat menjamin keselamatan data-data.

## **2.7 Kajian Alat Pembangunan dan Teknologi.**

Pengkajian terhadap “platform” sistem dan perisian telah dilakukan untuk menilai kesesuaian sistem pembangunan yang dicadang agar mencapai tujuan keperluannya. Pengkajian ini telah dibahagikan kepada bahagian-bahagian seperti berikut

- 1) Sistem Pengoperasian
- 2) Bahasa Pengaturcaraan
- 3) Pangkalan Data

### **Sistem Pengoperasian**

#### **2.7.1 UNIX**

Sistem penoperasi UNIX adalah direkabentuk untuk membolehkan beberapa pembangun perisian menggunakan komputer pada masa yang sama dan berkongsi sumber-sumber. Sistem ini mengkoordinasi penggunaan sumber-sumber komputer. Sebagai contoh, ia membolehkan seseorang menggunakan program “spell check” manakala seseorang yang lain menghasilkan dokumen, yang lain pula mengedit, menghasilkan grafik dan memformat dokumen – kesemua pada masa yang sama dan setiap aktiviti pengguna adalah bebas daripada aktiviti pengguna yang lain. Sistem ini mengawal semua “command” dalam “keyboard” dan semua data yang



dihasilkan. Ia juga membolehkan setiap pengguna percaya hanya dia sahaja yang menggunakan komputer pada masa tersebut. Perkongsiaan sumber-sumber “real time” ini menyebabkan UNIX merupakan salah satu sistem pengoperasi yang paling handal(Overview of the UNIX\*Operating SystemUNIX,2002).

### **2.7.2 Window 98**

Window 98 direkabentuk untuk pasaran komputer peribadi. Window 98 adalah sistem pengendalian perantara muka pengguna grafik. Ini adalah cara yang membenarkan pengguna berinteraksi dengan komputer yang menggunakan gambar @ grafik. Window 98 ini adalah dilarikan pada pemproses berasaskan Intel sahaja dan tidak menyokong motherboards yang dilengkapi dengan multiple pemproses. Bagaimapun, sistem menyokong nama fail yang panjang and mempunyai keupayaan rangkaian yang terbina di dalam termasuk penyambungan Window N'I Serve @ stesen kerja. Window 98 mempunyai 32 bit yang dilengkap disebabkan keupayaan berundur, pembangunan telah menggunakan gabungan kod 32 bit and 16 bit untuk membekalkan keupayaan yang maksima di antara applikasi baru.

### **Bahasa Pengaturcaraan**

Bahasa pengaturcaraan adalah satu set bahasa arahan yang digunakan dalam pembangunan sistem komputer untuk melaksanakan kerja-kerja tertentu. Terdapat banyak jenis bahasa pengaturcaraan yang tersedia ada. Diantara bahasa yang telah dipilih untuk kajian ini adalah seperti berikut :-

### 2.7.3 Visual Basic 6.0

Visual Basic 6.0 adalah satu produk dalam [Microsof Visual Studio Package. Visual Basic 6.0 membenarkan pengguna membangun aplikasi window dengan cepat dan mudah tanpa mahir dalam bahasa programming yang lain.

Visual Basic memperuntukan persekitaran grafik mana pengguna boleh di reka secara visual dalam bentuk dan dapat kawal blok pembinaan aplikasi. Visual Basic menyokong banyak alat khasnya untuk membina 3-D window “lihat & rasa : antaramuka yang akan membantu pengguna lebih produktivit, sperti pengguna tidak perlu membuang masa dalam antaramuka. Alat tidak limit terhadap projek, bentuk, kelas objek, templates, custom controls, add ins dan pengurusan pangkalan data, pengguna juga boleh menggunakan alat bersama untuk menghasilkan aplikasi yang kompleks dalam bulan, minggu serta hari, penghasilan aplikasi dengan menggunakan bahasa lain akan mengambil masa yang lama.

Visual Basic boleh terus spot persekitaran pembangunan exploer-style, model selepas Window Explore. Ini mengambil dengan mudah bagi pengguna untuk terus kepada menghasilkan aplikasi dengan Visual Basic. Kebanyakan semua objek dan alat dalam skrin boleh mamnipulasi melalui dengan klip kanan. Pengguna oleh set properties, add controls dan even view contex, sensitive membantu dengan this single action. Visual Basic 6.0 mempunyai ciri-ciri yang khas seperti ISAPI Application and Dynamic HTML projek template. Template ini memberi asal untuk membangun komponen serve-side dan juga untuk “smart” laman web dan aplikasi.( Deitei et al, 1999)



#### **2.7.4 Java**

Java adalah bahasa programming komputer yang mudah dibinakan oleh mereka yang tidak pengaliaman tambahan pula ia sesuai digunakan programmer yang pengaliaman dalam membina sistem maklumat yang besar. Program Java boleh mengambil kelebihan peluang untuk memperkayakan pengumpulan kelas yang wujud dalam Java kelas perpustakaan bagi membentuk program Java yang kompleks. Kelas perpustakaan ini juga dikenali sebagai Java APLs ( ApplicationProgramming Interfaces ). Biasanya , perpustakaan kelas yang sedia ada dalam kuantiti yang besar dari Internet dan www seperti perisian percuma.

Applikasi Java boleh menggunakan internet bagi menghubungkan dengan applikasi lain dan juga pangkalan data. Kebolehan ini membenarkan programmer Java untuk membangunkan enterprise level distributed applikasi. Ia digunakan dalam industri sekarang. Untuk membolehkan applikasi Java dilarikan pada mana-mana seni mesin, ia tidak boleh bergantung kepada sesuatu mesin untuk perlaksanakannya. Oleh itu, pengkompil Java menjanakan format fail objek yang tidak bergantung kepada komputer. Kod yang dikompil ini boleh dilaksanakan pada sebarang mesin dengan kehadiran sistem masa-larian Java ( Idris et al, 2001).

#### **Pangkalan Data**

Pangkalan data digunakan untuk menyimpan, manipulasi dan mencapai data di dalam kebanyakan organisasi. Ia merupakan satu koleksi data yang disimpan di dalam format yang piawai dan direka khusus supaya mampu untuk berkongsi data dengan



pelbagai pengguna. Sistem Pengurusan Pangkalan Data ( DBMS ) adalah merupakan perisian penting yang dapat memudahkan pembangunan dan menyenggaraan sistem pangkalan data. Ianya adalah perisian yang menguruskan keseluruhan sistem tersebut.

#### **2.7.5 Microsoft Access**

Microsoft Access adalah satu cara menyimpan dan mengurus maklumat. a way to store and manage information. Microsoft Access sebagai satu produk database hubungan di mana ia membolehkan pengguna menghubungkan data daripada sumber yang berlainan. Satu database boleh mengandungi satu jadual atau banyak objek lain seperti report, form, queri, marcos dan program modules yang boleh dianggap sebagai database bersama dengan jadual.(Osborne, 1999)

Microsoft Access membantu pengguna database yang tidak berpengalaman dan “programmer” berpengalaman dalam membina “solutions” yang handal dan boleh diubahsuai. Ia boleh dintergrasikan secara mudah dengan “web” dan “data sources” syarikat. Ia boleh digunakan untuk merekod transaksi jualan dan mengawasi inventori., Microsoft Access 2002 boleh membantu pengguna bekerja dengan bijak dalam apa-apa kerja yang dilaksanakan. Ia juga memudahkan pembinaan “database solutions”, “access” dan penganalisan maklumat penting. Microsoft Access versi 2002 boleh mengubah cara penganalisan data. Ia boleh menghasilkan dan mencetak “interactive spreadsheets” dan menggunakan Microsoft PivotTable® and Microsoft PivotChart view untuk menunjukkan maklumat penting secara dinamik dalam pelbagai cara iaitu tanpa perlu keluar daripada Microsoft Access. Pelbagai aksi boleh “redo” dan “undo” untuk memaksimumkan produktiviti semasa menghasilkan form,

report, “data access page”, makro dan “module”. Ia juga boleh menukar form dan report kepada laman web. Di samping itu, ia membolehkan data dikongsi di dalam laman web dengan menggunakan perisian yang diketahui. Form atau report boleh disimpan sebagai “data access page” yang membolehkan pengguna melihat dan mengedit data secara terus dalam “browsers” (Access 2002 Tour, 2002).

#### **2.7.6 Microsoft SQL Serve 7.0**

Microsoft SQL 7.0 merupakan pelayan pangkalan data yang paling ‘robust’ bagi keluarga Windows. Ia merupakan Relational Database Management System ( RDBMS ) yang mendapat tempat di kalangan pelanggan korporat dan juga pengusaha perisian kecil-kecilan untuk membangunkan aplikasi perniagaan. SQL Serve 7.0, mudah digunakan, mempunyai kebolehpercayaan ( reliability ) yang tinggi dan membenarkan ‘scalability’.



## **Bab 3 : METODOLOGI SISTEM**


### **3.1 Pendahuluan**

Sistem proses pembangunan model adalah sangat penting bagi membangunkan sistem perisian. Ia membolehkan pemahaman mengenai aktiviti, sumber dan had-had yang terlibat dalam pembangunan perisian. Apabila model proses dihasilkan, ia boleh membantu kita untuk mencari “inconsistencies”, “redundancies” dan ketinggalan (omission) dalam proses. Terdapat banyak jenis model proses seperti Model Air Terjun, Model Evolutionary Development, Model Transformational, model Prototaip, Model Spiral dan lain-lain.

### **3.2 Model Air Terjun (Waterfall Model)**

Pendekatan Air Terjun merujuk kepada sifat aliran proses pembangunan yang mengikut satu peringkat ke peringkat yang lain secara turutan menurun. Proses pembangunan perisian yang mengikut pendekatan ini adalah lebih jelas dari satu fasa ke satu fasa yang lain. Selepas setiap fasa dihuraikan dan definisikan, pembangunan seterusnya akan beralih kepada fasa yang seterusnya. Kelebihan pendekatan Air Terjun adalah ia mudah diterangkan kepada pelanggan yang tidak biasa dengan pembangunan perisian dan model ini boleh memberikan pembangunan perisian tahap tinggi semasa proses pembangunan. Walaupun bagaimanapun model ini juga mempunyai kelemahan iaitu Model ini tidak menyediakan panduan untuk mengendalikan sebarang perubahan yang berlaku pada produk dan aktiviti dan model ini tidak menggambarkan cara kod dihasilkan kecuali sesuatu perisian itu sudah benar-

benar dihasilkan. Rajah 3.2 menunjukkan gambarajah pendekatan Air Terjun yang biasa digunakan dalam pembangunan sistem ( Pfleeger, 2001 ).



**Rajah 3.2: Pendekatan Air Terjun**



### **3.3 Model Prototaip (Prototype)**

Pendekatan Model Prototaip membenarkan semua atau sebahagian daripada sistem dibina dengan cepat untuk membolehkan pemahaman tentang isu-isu yang mungkin timbul. Ia mempunyai objektif yang sama seperti kejuruteraan prototaip, di mana keperluan penyiasatan berulang diperlukan supaya pembangun, pengguna dan pelanggan mempunyai pemahaman yang sama terhadap kedua-dua tujuan dan keperluan. Kekurangan pendekatan ini adalah ia biasanya disiapkan dalam keadaan tergesa-gesa. Maka, tiada siapa dapat mempertimbangkan kualiti perisian dan penyelenggaraan jangka panjang. Operating system atau program yang tidak sesuai mungkin digunakan untuk mendapatkan hasil yang cepat (Pfleeger, 2001).

### **3.4 Pembangunan Evolusi (Evolutionary Development)**

Pendekatan Pembangunan Evolusi adalah berdasarkan kepada keperluan asal sistem perisian yang hendak dibangunkan, dimana sesuatu pembangunan sistem dibangunkan pada peringkat awal dan diubahkan seiring dengan proses mendapatkan kesesuaiannya. Pendekatan Pembangunan Evolusi dapat dibahagikan kepada 2 jenis iaitu:-

#### **3.4.1 Exploratory Programming**

Ia merujuk kepada proses awal pembangunan dan implementasi sistem yang dibuat mengikut keperluan sebenar pelanggan, dimana proses ini berkembang daripada rangka awal sistem sehingga ia disahkan untuk digunakan sebagai komponen kepada perisian yang ingin dibangunkan itu (Sommerville, 1995).

### 3.4.2 Throw-away prototyping

Ia adalah berdasarkan kepada idea membangunkan implementasi terdahulu dan mendedahkan sistem ini kepada pelanggan untuk pendapat dan mengubah sistem ini kepada beberapa versi sehingga sistem ini menjadi lengkap.. Dengan kata lain, spesifikasi sistem yang gagal mengikut keperluan akan dihentikan daripada pembangunan seterusnya dan ini bagi mengelakkan pembaziran kos dan masa pembangunan sistem dari terus meningkat.

Keburukan model jenis 'Exploratory Programming' dan 'Throw-away Prototyping' adalah seperti berikut :-

- 1) Proses pembangunan yang tidak jelas akan menimbulkan masalah untuk mengawal dan memantau pergerakan projek serta sukar untuk mengikut jangka waktu yang telah ditetapkan.
- 2) Kebiasaannya struktur susunan sistem awal adalah tidak sempurna dan kekerapan pengubaisuaian terhadap sistem tersebut akan mencacatkan keseluruhan pembangunan sistem yang hendak dibangunkan.

### 3.5 Spiral Model

Boehm's model adalah berdasarkan bentuk "spiral". Setiap gelung dalam 'spiral' menunjukkan setiap peringkat (seperti didefinisikan oleh pengurusan) untuk proses perisian. Gelung dalaman adalah berkenaan dengan feasabiliti sistem, gelung sebelahnya adalah berkenaan dengan definasi keperluan sistem, gelung seterusnya adalah berkenaan dengan sistem rekabentuk dan seterusnya (Sommerville, 1995).



Setiap gelung dalam spiral adalah dibahagikan kepada empat sektor:

i) Penetapan Objektif

Objektif khas bagi peringkat projek akan didefinisikan. Had-had dalam proses dan projek akan dikenalpasti dan satu perancangan pengurusan yang mendalam akan dihasilkan. Risiko projek akan dikenalpasti. Strategi alternatif, bergantung kepada risiko, boleh dirancangkan.

ii) Pengurangan dan Analisis Risiko

Bagi setiap risiko projek yang dikenalpasti, satu analisis yang mendalam akan dijalankan. Kaedah-kaedah adalah dirancangkan untuk mengurangkan risiko tersebut. Sebagai contoh, jika terdapat risiko bahawa sistem diperlukan adalah tidak sesuai, satu sistem prototaip mungkin dibangunkan.

iii) Pembangunan and Pengesahan

Selepas analisis risiko, satu model pembangunan untuk sistem tersebut akan dipilih. Sebagai contoh, jika risiko keselamatan adalah perkara yang utama, pembangunan berdasarkan transformasi adalah lebih sesuai.

iv) Perancangan

Projek akan diperiksa semula dan keputusan akan dibuat sama ada untuk meneruskan gelung spiral tersebut. Kalau keputusan adalah untuk meneruskan projek tersebut, pelan akan dilukiskan bagi peringkat projek yang seterusnya.

### 3.6 Model Transformasi (Transformational Model)

Pendekatan Model Transformasi adalah pendekatan yang cuba mengurangkan peluang untuk melakukan kesilapan dengan menyingkirkan beberapa langkah pembangunan. Dengan menggunakan sokongan automasi, proses transformasi menggunakan beberapa siri transformasi untuk menukarkan sesuatu spesifikasi kepada sistem “deliverable”. Oleh kerana terdapat banyak jalan yang boleh diambil untuk menukar dari sesuatu spesifikasi kepada sistem “deliverable”, turutan transformasi dan keputusan yang diambil adalah disimpan dalam rekod pembangunan formal. Pendekatan transformasi mempunyai masa depan yang cerah. Akan tetapi, kelemahan yang utama adalah keperluan untuk mempunyai spesifikasi formal yang perlu didefinisikan dengan betul supaya transformasi boleh beroperasi (Pfleege, 2001).



## **BAB 4 : SISTEM ANALISIS**

### **4.1 Kaedah Pembangunan Sistem**

Bagi memastikan proses pembangunan sistem ini berjaya, aspek memilih metodologi pembanguan hendak dititik beratkan. Dalam pembangunan Sistem Pengurusan Kewangan Keluarga ini, metodologi pembagunan ayng dipilih ialah Model Air Terjun kerana beberapa kelebihan berbanding dengan model pembangunan lain sperti 'Evolutionary development', Model Prototaip dan lain-lain. Diantara kelebihan –kelebihan Model Air Terjun ialah seperti berikut : -

- 1) Perkembangan pembangunan jelas kelihatan.
- 2) Pelaksanaan projek dapat dikawal dengan sempurna.
- 3) Setiap aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam setiap fasa telah diberikan huraian secara terperinci.
- 4) Ralat dapat diperbetulkan dengan cepat kerana setiap fasa akan diuji dan dinilaiikan terlebih dahulu sebelum fasa berikutnya dimulakan.

### **4.2 Spesifikasi Keperluan Pengguna**

Rekabentuk sistem yang akan dihasilkan adalah berdasarkan kepada spesifikasi – spesifikasi pengguna yang terdiri daripada spesifikasi fungsi dan bukan fungsian.

#### 4.2.1 Spesifikasi Fungsian

Spesifikasi fungsi menerangkan interaksi sistem dengan persekitaran sistem dan juga menerangkan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh sistem. Berikut adalah spesifikasi fungsian bagi sistem pengurusan kewangan keluarga.

- i) Modul Katalaluan Pengguna  
Untuk membolehkan pengguna untuk menukarkan katalaluan.
- ii) Modul Pengiraan  
Untuk mengirakan jumlah pendapatan, perbelanjaan, credit card dan juga akaun dalam simpanan.
- iii) Modul Memaparkan Mesej Kesilapan  
Untuk mengawal and memanipulasi untuk input yang tidak sah atau pertemuan proses dan memaparkan mesej kesilapan untuk menggambarkan kesilapan.
- iv) Modul Laporan  
Modul ini dapat menjana laporan dan membolehkan pengguna mmbuat pilihan terhadap persembahan laporan yang diinginkan.
- v) Modul Mesej Ingatan  
Untuk memaparkan mesej kepentingan tentang melebihi perbelanjaan. Pengguna boleh menghasilkan/menambah, menghapus dan mengubah mesej.



#### 4.2.2 Spesifikasi Bukan Fungsian

i) Keselamatan

Bagi menjamin sistem tidak dicerobohi oleh pengguna yang tidak sepatutnya, ini dapat dilaksanakan dengan penggunaan katalaluan. Satu log juga akan menyimpan bagi setiap kemasukkan pengguna. Antara maklumat yang disimpan di dalam log ialah seperti pengenalan pengguna.

ii) Antaramuka ramah pengguna

Antaramuka yang ramah pengguna memudahkan pengguna untuk menggunakan sistem. Skrin siaturkan dengan tersusun supaya mudah difahami oleh pengguna. Kesilapan input data juga dapat dikurangkan dengan adanya ciri-ciri kawalan. Disamping itu pengguna boleh memilih aturcara yang hendak dilaksanakan melalui kemudahan menu.

iii) Keaktif (Robustness)

Kualiti membolehkan sesuatu sistem menguruskan kekurang-kurangnya mengelakkan malapetaka apabila menghadapi data yang tidak dijangkakan. Apabila kesilapan dijumpainya imej kesilapan dipaparkan untuk di ingatkan seingat semula pengguna sebelum process seterusnya. Mesej ini akan memberi penerangan tentang jenis kesilapan dan dapat membuat pembetulan dengan segera maka kesilapan yang sama tidak akan berulang lagi.

### **4.3 Fasa Sistem Analisis**

Fasa ini adalah peringkat pertama dalam pembangunan sistem. Fasa ini menjelaskan bagaimana setiap sistem berfungsi dan pengenalan kepada masalah-masalah sesuatu sistem amat penting semasa mendefinisikan keperluan pengguna. Selepas peringkat ini akan pergi ke Fasa rekabentuk Fasa ini merangkumi perkara-perkara berikut : -

- 1.) Definasi masalah
- 2.) Kenyataan tentang Objektif dan skop projek.
- 3.) Penyelesaian masalah
- 4.) Kelebihan sistem yang dibangunkan
- 5.) Menganalisis dan menentukan keperluan sistem

### **4.4 Fasa Rekabentuk Sistem**

Dalam fasa rekabentuk sistem ini, penyelesaian yang dinyatakan secara teori dalam fasa sistem analisis, akan bertukar kepada rekabentuk logical. Dalam fasa, ini satu rekebentuk akan menghasilkan mengikut kehendak dan keperluan pengguna. Aktiviti yang terlibat dalam fasa ini ialah :-

- 1) Menyediakan model untuk sistem yang baru dengan menggunakan gambarajah aliran dan hubungan-entiti.
- 2) Menyatakan format laporan yang dihasilkan oleh sistem.
- 3) Merebentuk cara memasukkan data biasanya dalam bentuk borong.
- 4) Mengenalpastikan keperluan data dan kamus data secara terperinci.



- 5) Menulis spesifikasi aturcara.
- 6) Menyatakan bagaimanakah cara untuk mengawl input, output dan pangkalan data.

#### **4.5 Pelaksanaan Sistem**

Fasa ini dilakukan setelah fasa rekabentuk sistem diselesaikan . Fasa ini membahagikan kepada peringkat pengaturcara, ujian, penerimaan dan perlaksanaan.

##### **4.5.1 Pengaturcaraan**

Process pengkodan dilaksanakan untuk menterjemahkan logik-logik yang terdapat pada fasa rekabentuk sistem.

##### **4.5.2 Pengujian**

Data-data ujian digunakan untuk memastikan setipa modul aturcara melaksanakan tugas seperti mana dikehendaki oleh pengaturcara. Data ujian ini untuk mengenalpasti data imput yang akan mengakibatkan kegagalan sistem. Aturcara kawalan juga perlu dibina untuk mengelakkan kegagalan sistem.

